

BAB 2 Kedudukan

Panduan RPH				
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
1.2 Kedudukan	1.2.1 Menyatakan kedudukan relatif sesuatu tempat berdasarkan peta	Buku Teks m.s 14 – 15	Soalan 1 Soalan 2 Soalan 3	TP1 TP2 TP2 TP4 11 – 12
BBM		PAK-21	KBAT	
Buku teks, kertas A4		Showdown	Mengaplikasi	
EMK		i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian global		–	Bekerjasama	

Cadangan PdPc

1. Guru berbincang dengan murid tentang maksud kedudukan dan kedudukan relatif.
2. Murid menjawab soalan 1 dalam buku Power Up Geografi halaman 11.
3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
4. Setiap ahli kumpulan menulis kedudukan relatif murid-murid di dalam kelas berdasarkan pernyataan yang diberi oleh guru.
5. Pada masa yang ditetapkan, semua murid menunjukkan jawapan secara serentak.
6. Setiap ahli membetulkan dan mengukuhkan jawapan rakan yang lain.
7. Murid menjawab soalan 2 dalam buku Power Up Geografi halaman 11.
8. Guru menerangkan kepada murid tentang kedudukan relatif di lapangan.
9. Berdasarkan titik rujukan, murid-murid mengenal pasti kedudukan relatif sesuatu tempat di atas peta.
10. Murid menjawab soalan 3 dalam buku Power Up Geografi halaman 12.

Panduan RPH				
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
1.2 Kedudukan	1.2.2 Mengaplikasikan latitud dan longitud untuk mengenal pasti kedudukan sesuatu tempat	Buku Teks m.s 16 – 20	Soalan 4 Soalan 5 Soalan 6	TP3 TP4 TP5 13 – 14
BBM		PAK-21	KBAT	
Buku teks, glob, peta atlas, lembaran kerja		Three Stray One Stay	Menganalisis	
EMK		i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian global		Peta buih	Bekerjasama, toleransi	

Cadangan PdPc


1. Guru menerangkan kepada murid tentang garisan latitud dan longitud.
2. Guru berbincang dengan murid tentang garisan latitud dan longitud utama berdasarkan rajah glob atau glob sebenar.
3. Guru menerangkan kepada murid perbezaan antara garisan latitud dengan longitud.
4. Murid menjawab soalan 4 dalam buku Power Up halaman 13.
5. Guru menerangkan kepada murid cara menentukan kedudukan berdasarkan latitud dan longitud pada glob dan pada peta atlas.
6. Murid menjawab soalan 5 dan soalan 6 dalam buku Power Up Geografi halaman 14.
7. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
8. Setiap kumpulan diberi lembaran kerja yang disediakan oleh guru.
9. Setiap kumpulan menentukan kedudukan titik-titik yang diplot pada glob dalam lembaran kerja tersebut berdasarkan latitud dan longitud.
10. Tiga ahli kumpulan pergi melihat hasil kumpulan lain.
11. Seorang tinggal di stesen kumpulan untuk menyambut kedatangan rakan lain dan menjelaskan hasil kerja kumpulan kepada mereka.

Panduan RPH				
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.2 Kedudukan	1.2.1 Menyatakan kedudukan relatif sesuatu tempat berdasarkan peta Buku Teks m.s 14 – 15 1.2.2 Mengaplikasikan latitud dan longitud untuk mengenal pasti kedudukan sesuatu tempat Buku Teks m.s 16 – 12	Soalan 7	TP6	15
BBM		PAK-21		KBAT
Buku teks, lakaran pelan sekolah, kertas sebak, buku catatan		Kerja Lapangan		Mengaplikasi
EMK		i-THINK		Nilai Murni
Kelestarian global		–		Bekerjasama

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang cara menentukan kedudukan relatif di lapangan.
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
3. Setiap kumpulan melakar pelan sekolah pada kertas sebak yang disediakan.

Contoh pelan sekolah:



4. Murid menjalankan kerja lapangan di kawasan sekitar sekolah.
5. Murid menentukan satu titik rujukan di kawasan kajian.
6. Murid menentukan kedudukan relatif tempat-tempat di sekitar kawasan kajian dari titik rujukan yang dipilih.
7. Kemudian, murid mengenal pasti kedudukan bangunan di sekitar sekolah dengan titik rujukan yang berbeza.
8. Murid merekodkan hasil kerja mereka dalam bentuk jadual.
9. Setiap kumpulan membentangkan hasil kerja masing-masing di akhir pembelajaran.
10. Guru menilai hasil kerja setiap kumpulan.